



**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
NKRA - PENDIDIKAN**

**MANUAL  
INSTRUMEN NUMERASI BERTULIS  
SARINGAN 1 (SK/SJKC/SJKT)  
TAHUN 1**

**APRIL 2013**

## KAEDAH PELAKSANAAN

- Instrumen ini hendaklah ditadbir pada 21 – 30 April 2013
- Semua murid Tahun 1 **mesti** menduduki saringan ini
- Guru **perlu** membantu murid memahami tugas item
- Murid ditaksir secara telus dan jujur
- Guru mesti mencatat pencapaian murid menggunakan Borang Prestasi Individu yang dilampirkan pada halaman belakang Instrumen Numerasi Bertulis
- Murid menguasai sesuatu konstruk jika dapat menjawab betul kedua-dua item yang mengukur konstruk tersebut

## TINDAKAN HASIL PROSES SARINGAN

Selepas Saringan 1 Tahun 1 dijalankan, murid-murid akan ditempatkan mengikut penguasaan konstruk berdasarkan jadual di bawah:

<b>Saringan 1</b>	
Tidak Menguasai Konstruk 1 – Konstruk 2 (dibimbing oleh guru Pemulihan Khas)	Program LINUS
Tidak Menguasai mana-mana Konstruk 3 – Konstruk 12	
Menguasai Konstruk 1– Konstruk 12	Kelas arus perdana

Murid-murid akan menduduki Saringan 2 Tahun 1 yang akan diadakan pada September/Okttober 2013. Program LINUS dilaksanakan oleh guru Matematik.

## PENERANGAN INSTRUMEN SARINGAN 1 (BERTULIS)

### Item 1

Konstruk 1 : Keupayaan pra nombor dan mengenal angka

- Guru membacakan tugas item
- Murid membulatkan angka yang sama
- Murid menguasai tugas ini jika membulatkan tiga angka 7

### Item 2

Konstruk 1 : Keupayaan pra nombor dan mengenal angka

- Guru membacakan tugas item
- Murid memadankan angka yang sama
- Murid menguasai tugas ini jika memadankan angka 2 dengan 2, angka 5 dengan 5 dan angka 6 dengan 6

### Item 3

Konstruk 2 : Keupayaan membilang

- Guru membacakan tugas item
- Murid membilang dan membulatkan jawapan
- Murid menguasai tugas ini jika membulatkan/menandakan angka 1 untuk gambar ayam, angka 4 untuk gambar burung dan angka 6 untuk gambar itik

### Item 4

Konstruk 2 : Keupayaan membilang

- Guru membacakan tugas item
- Murid membilang dan menulis angka yang betul
- Murid menguasai tugas ini jika menulis angka 8

### Item 5

Konstruk 3 : Keupayaan memahami nilai nombor

- Guru membacakan tugas item
- Murid membulatkan nombor yang tertinggal
- Murid menguasai tugas ini jika membulatkan/menandakan angka 14

### Item 6

Konstruk 3 : Keupayaan memahami nilai nombor

- Guru membacakan tugas item
- Murid memadankan nombor dengan bilangan objek
- Murid menguasai tugas ini jika memadankan nombor 2 dengan gambar beg, nombor 5 dengan gambar berus cat dan nombor 8 dengan gambar pemadam

**Item 7**

Konstruk 6 : Keupayaan menyatakan waktu

- Guru membacakan tugas item
- Murid menanda (✓) pada waktu yang betul
- Murid menguasai tugas ini jika menandakan (✓) pada perkataan day/siang/bahasa pengantar

**Item 8**

Konstruk 6 : Keupayaan menyatakan waktu

- Guru membacakan tugas item
- Murid membulatkan nama hari
- Murid menguasai tugas ini jika membulatkan/menandakan Tuesday/Selasa/bahasa pengantar

**Item 9**

Konstruk 7 : Keupayaan mengendalikan operasi asas

- Guru membacakan tugas item
- Murid melengkapkan ayat matematik
- Murid menguasai tugas ini jika menulis nombor 9

**Item 10**

Konstruk 7 : Keupayaan mengendalikan operasi asas

- Guru membacakan tugas item
- Murid melengkapkan ayat matematik
- Murid menguasai tugas ini jika menulis nombor 4

**Item 11**

Konstruk 8 : Keupayaan mengendalikan operasi asas melibatkan mata wang Malaysia

- Guru membacakan tugas item
- Murid menanda (✓) pada jawapan
- Murid menguasai tugas ini jika menanda (✓) pada petak pertama iaitu  $40 \text{ sen} - 20 \text{ sen} = 20 \text{ sen}$

**Item 12**

Konstruk 8 : Keupayaan mengendalikan operasi asas melibatkan mata wang Malaysia

- Guru membacakan tugas item
- Murid membulatkan jawapan yang betul
- Murid menguasai tugas ini jika membulatkan petak kedua iaitu RM5

**Item 13**

Konstruk 9 : Keupayaan mengukur panjang objek, jisim objek dan isi padu

- Guru membacakan tugas item
- Murid menanda (✓) pada objek yang lebih berat
- Murid menguasai tugas ini jika menanda (✓) pada gambar bas

**Item 14**

Konstruk 9 : Keupayaan mengukur panjang objek, jisim objek dan isi padu

- Guru membacakan tugas item
- Murid membulatkan objek yang lebih kecil
- Murid menguasai tugas ini jika membulatkan/menandakan gambar semut

**Item 15**

Konstruk 10 : Keupayaan menterjemah ayat biasa kepada ayat matematik  
dan sebaliknya

- Guru membacakan tugas item
- Murid menulis simbol (+) atau (-)
- Murid menguasai tugas ini jika menulis simbol (-)

**Item 16**

Konstruk 10 : Keupayaan menterjemah ayat biasa kepada ayat matematik  
dan sebaliknya

- Guru membacakan tugas item
- Murid menulis simbol (+) atau (-)
- Murid menguasai tugas ini jika menulis simbol (+)

**Item 17**

Konstruk 11 : Keupayaan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran  
dalam kehidupan harian terhad kepada nombor bulat

- Guru membacakan tugas item
- Murid menyelesaikan masalah matematik
- Murid menguasai tugas ini jika menulis nombor 3

**Item 18**

Konstruk 11 : Keupayaan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran  
dalam kehidupan harian terhad kepada nombor bulat

- Guru membacakan tugas item
- Murid menyelesaikan masalah matematik
- Murid menguasai tugas ini jika menulis nombor 9

**Item 19**

**Konstruk 12** : Keupayaan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan harian melibatkan mata wang, masa dan ukuran panjang

- Guru membacakan tugas item
- Murid menyelesaikan masalah matematik
- Murid menguasai tugas ini jika menulis nombor 10

**Item 20**

**Konstruk 12** : Keupayaan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan harian melibatkan mata wang, masa dan ukuran panjang

- Guru membacakan tugas item
- Murid menyelesaikan masalah matematik
- Murid menguasai tugas ini jika menulis nombor 6